

## **ABSTRAK**

Perbankan Islam adalah merupakan suatu bidang yang amat menarik untuk diperkatakan terutama kerana ia merupakan realiti baru yang dipraktikkan semula sejak dua dekad yang lepas. Kejayaan Bank Islam dalam operasinya dan juga peralihan minat pelanggan menjadi suatu tarikan kepada bank-bank konvensional untuk menawarkan perkhidmatan yang dikenali sebagai Skim Perbankan Islam (SPI). Operasi perbankan Islam menghadapi saingan hebat dari perbankan konvensional yang sememangnya sudah lama bertapak dan menjadi teras dalam ekonomi negara. Oleh yang demikian, pelaksanaan perbankan Islam dilakukan secara beransur-ansur dan berperingkat-peringkat untuk menghindari dari menemui kegagalan dan akhirnya terpaksa berpatah balik ke belakang. Bagi tujuan penulisan disertasi ini, penulis telah memfokuskan beberapa produk perbankan Islam yang telah dilaksanakan di Maybank Berhad dengan menumpukan beberapa aspek syariah dan ekonomi serta juga pelaksanaannya. Didalam pendahuluan penulis hanya akan menjelaskan rangka teori kajian. Bab 1 akan menerangkan konsep perbankan Islam dan juga sejarahnya di Malaysia. Bab 2 akan menceritakan serba sedikit pengenalan dan latar belakang Maybank Berhad serta pelaksanaan skim perbankan Islam. Bab 3 diuraikan prinsip syariah yang menjadi landasan kepada pembiayaan keuangan Islam yang berdaya maju untuk dilaksanakan dalam masyarakat moden. Produk-produk perbankan Islam yang menjadi fokus kajian akan dianalisis di dalam bab 4. Kemudiannya penulis akan cuba membuat satu kesimpulan dengan mengemukakan beberapa saranan kepada pihak-pihak tertentu di dalam memperkasakan sistem perbankan Islam di Malaysia sebagai penutup.

## **ABSTRACT**

Islamic banking is an interesting subject to discuss especially because this is a reality being practiced since last two decade. The successful of the operation of Bank Islam and the transition of customers' interest is an attraction to the conventional bank to offer the services called name as 'Islamic Banking Scheme' (IBS). There is a great competition in Islamic Banking Operation compared to the conventional that being established and is the most important part in economic nation. The implementation of Islamic Banking has been done gradually and in stages to avoid failure and going reverse direction. For the purpose of this dissertation the writer is focusing on a few products of Islamic Banking which has been implemented by Maybank Berhad. Among the others the focus is on a few aspect of syariah and economic and its implementation. For the introductions, its explain the frame of the teory studies. Whereas Chapter 1 will explain the concept of Islamic Banking and the history of Islamic Banking in Malaysia. The introduction and background of Maybank Berhad will be explained in Chapter 2. Besides that, the implementation of Islamic Banking Scheme will also be include in this chapter. Chapter 3 describes the principle of syariah in detail which has become the catalyst in financing Islamic financial in modern society. Islamic Banking product which is the main focus in this studies will be analize in Chapter 4. Last but not least, I will concludi the dissertation by giving a number of proposals that may enhance the future of Islamic Banking system in Malaysia.